



Ministry of Industry and Primary Resources

TEKS UCAPAN

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato
Seri Setia Awang Haji Yahya Bin Begawan Mudim
Dato Paduka Haji Bakar,
Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
Negara Brunei Darussalam**

Sempena :
**Pameran Industri Tradisi 2012
Universiti Brunei Darussalam**

Bertempat :
**Ground Floor, Airport Mall
Berakas**

Pada :
**Hari Jumaat,
28 Jamadilawal 1433 / 20hb. April, 2012**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Yang Mulia Dayang Nurussa'edah binti Haji Abu Bakar,
Selaku Pengerusi Majlis

Yang Mulia Setiausaha Tetap, Kementerian
Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
Negara Brunei Darussalam

Yang Mulia Dato Paduka Dr. Haji Zulkarnain bin Haji
Hanafi, Naib Canselor, Universiti Brunei Darussalam,
Selaku Tuan Rumah Majlis

Yang Mulia Timbalan Setiausaha Tetap-Timbalan
Setiausaha Tetap

Yang Mulia Pengerusi, Pameran & Seminar Industri
Tradisi Brunei Akademi Pengajian Brunei

Yang Mulia Profesor Madya Ampuan Dr Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah, Pengarah Akademi Pengajian Brunei

Yang Mulia Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan

Yang Mulia Para Pegawai Utama dan Para Pensyarah Universiti Brunei Darussalam

Yang Mulia Para Penaja dan Wakil Penaja, Para Siswa Siswi

Hadirin dan hadirat yang di hormat sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam sejahtera.

Segala puji hanya bagi Allah Subhanahu Wataala, selawat serta salam keatas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam, kaum

keluarga, para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya jua, kita dapat berkumpul di Majlis yang penuh dengan ilmu dan berkebajikan pada pagi ini.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada para siswa-siswi Modul Industri Tradisi Brunei, Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam kerana berkesudian menjemput saya untuk menjadi Tetamu Kehormat dan akan seterusnya merasmikan '**Pameran dan Seminar Industri Tradisi 2012**' pada pagi ini. Saya berbesar hati dapat bersama-sama dengan semua yang hadir.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian

Industri tradisi melibatkan perusahaan-perusahaan yang kelazimannya menggunakan tenaga kerja yang memerlukan kemahiran yang sangat halus lagi teliti serta produk yang berkualiti. Industri ini telahpun wujud lama, sejak berabad-abad lagi.

Di Negara Brunei Darussalam, industri tradisi yang sering dikaitkan adalah seni kraftangan seperti pertukangan perak dan tembaga; pembuatan keris, parang dan tudung dulang; dan tenunan atau anyaman. Dalam perspektif yang lebih luas, industri ini juga termasuk perusahaan membuat kueh-kueh tradisi, udang kering, belacan, tahai, ambulong, memburis perahu dan lain-lain lagi.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian

Saya ingin merujuk kepada kajian-kajian yang pernah dibuat oleh penuntut-penuntut Universiti Brunei Darussalam terhadap industri tradisi di Negara ini.

Dalam kajian yang dibuat pada tahun 2008 mengenai industri tradisi telah mengetengahkan isu-isu berkaitan industri tradisi ini. Antaranya ialah **isu kurangnya minat generasi muda menceburkan diri dalam industri tradisi** (seperti pembuatan parang, ambulong dan perubatan tradisional); dan **isu kos bahan mentah, pembungkusan dan pemasaran.**

Sementara satu kajian dalam tahun 2009 bertajuk "*Traditional Industries On Verge Of Extinction*" pula mengongsikan kajian yang pernah dibuat oleh seramai 30 penuntut dari Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam terhadap 16 jenis industri tradisi di Negara ini. **Kajian tersebut telah mendapati $\frac{3}{4}$ daripada 16 industri tersebut berada diambang**

kepuasan. Kajian juga mendapati bahawa kewujudan industri-industri moden dikenalpasti sebagai faktor penyebab yang telah merubah senario permintaan dan pasaran produk industri tradisi secara ketara. Kekurangan tenaga berkemahiran dalam pembuatan dan pertukangan serta kekurangan program-program pendokong yang khusus juga faktor penyebab yang dikenalpasti.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian

Dari kajian-kajian tersebut, dapatlah dijadikan sebagai satu asas bahawa usaha-usaha perlu diambil untuk mengangkat dan memperkasakan kembali industri tradisi di Negara ini ke tahap kecemerlangan dan kegemilangan seperti sediakala.

Sebagai sebuah Negara yang kaya dengan tamadun budaya dan warisan, adalah wajar jika industri tradisi ini diangkat sebagai diantara industri-industri strategik yang akan berupaya menjana pembangunan sosio-

ekonomi Negara. Ini ditambah pula dengan pentingnya industri ini dalam membangun dan mempelbagai produk-produk pelancongan dan kotej yang didokong oleh inisiatif 'satu kampung satu produk'.

Untuk itu, pendekatan secara holistik yang akan berupaya merubah keadaan pemasaran khususnya pembekalan (supply); permintaan (demand); dan mempengaruhi harga produk-produk keluaran industri tradisi tempatan perlu kita jana.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian

Dari aspek pembekalan (supply), sepertimana juga dengan pembekalan produk-produk lain seperti makanan, bahan binaan, bahan perkilangan dan sebagainya, kita sering menekankan supaya keluaran produk-produk yang dihasilkan hendaklah berkualiti tinggi, menepati piawaian serta selamat untuk digunakan. Bagi produk-produk industri tradisi, kita juga menekankan perkara yang sama. Untuk itu,

Kerajaan melalui Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama sedang berusaha untuk memperkenalkan beberapa inisiatif untuk menyokong perkembangan industri tradisi ini dari aspek rekabentuk, piawaian dan penjenamaan.

Dalam aspek permintaan (demand) pula, kita juga melihat peranan gedung-gedung dan butik-butik perniagaan adalah sangat-sangat penting. Mereka-mereka inilah saluran-saluran pasaran yang menjadi tumpuan majoriti pengguna-pengguna. Di Majlis yang berkebahjikan ini, saya mengambil kesempatan untuk menyeru agar gedung-gedung dan butik-butik perniagaan di Negara ini **akan mula memberikan laluan dan keutamaan kepada produk-produk keluaran dari industri tradisi Negara kita sendiri** dalam perniagaan mereka. Mudah-mudahan dengan cara sedemikian akan dapat juga menimbulkan rasa tanggungjawab serta komitmen mereka dalam sama-sama memperkembangkan industri tempatan di Negara ini secara amnya.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian

Dalam menangani permintaan (demand) bagi produk industri tradisi ini, saya melihat banyak perkara pembaharuan yang boleh kita lakukan baik secara perseorangan ataupun berorganisasi demi menyokong pembangunan industri tradisi ini – asalkan prinsip *“utamakan produk tradisi tempatan”* ada terselit di dalam jiwa kita sendiri. Pada misalnya, peningkatan permintaan produk keluaran industri tradisi ini mampu kita jana sendiri andai kata agensi-agensi Kerajaan, agensi-agensi bukan Kerajaan, syarikat-syarikat swasta dan bank-bank mula menjadikannya sebagai satu kemestian bagi ‘corporate gifts’, ‘souvenirs’, ‘door gifts’, ‘give aways’ dan lain-lain lagi adalah dari produk-produk keluaran industri tradisi yang asli lagi tulen. Masyarakat kita sendiri juga boleh membuat perkara yang sama bagi tujuan majlis-majlis kerai’an seperti majlis perkahwnian dan lain-lain.

Sebagai simbol dan tanda menyokong kepada usaha memperkembangkan Industri Tradisi ini, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, insya Allah akan menjadikan sebagai satu amalan dan kebiasaan bagi setiap warganya berpakaian cara Melayu dan bersinjangkan sinjang tenunan asli Melayu Brunei (bagi warga lelaki), dan berkain songket (bagi warga perempuan) pada setiap Hari Khamis waktu bekerja. Bagi Kementerian-Kementerian yang sudah membuat amalan 'bercara Melayu' semasa waktu bekerja ini, saya menyeru supaya akan mula pula bersinjangkan sinjang tenunan asli Melayu Brunei.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian

Menyentuh aspek harga produk-produk keluaran industri tradisi tempatan ini, perkara ini memanglah satu perkara yang sulit akan tetapi perlu kita tangani secara bersepadu. Untuk itu, agensi Kerajaan yang bertanggungjawab dalam perletakan harga-harga jualan perlu memastikan produk import yang

didatangkan dari luar negara dikawal bagi memberikan laluan kepada produk tradisi tempatan. Dipihak pengusaha pula, kos-kos yang terbabit perlu diurus secara efisien. Pembentukan koperasi pusat yang akan berperanan sebagai agen pembeli (purchasing agency) secara bukal adalah satu kemungkinan yang boleh diterokai. Pengguna juga mempunyai peranan mereka dalam aspek ini. Pepatah melayu '*alah membeli, menang memakai*' mungkin satu slogan yang boleh dijadikan sebagai strategi pemasaran produk tradisi tempatan yang mencerminkan ciri-ciri produk tradisi tempatan yang berkualiti tinggi dan tahan lama dipakai seperti halnya dengan kain-kain tenunan Brunei.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian

Akhirnya, saya sukacita mengucapkan setinggi tinggi tahniah dan syabas kepada para siswa siswi Modul Industri Tradisi Brunei, Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam kerana telah berjaya

mengungkapkan Pameran dan Seminar Industri Tradisi Brunei 2012.

Saya melihat pameran seperti ini adalah satu 'platform' yang sangat sesuai terutamanya dalam usaha untuk mengangkat dan memperkasakan kembali industri tradisi di Negara ini ke tahap kecemerlangan dan kegemilangan seperti sediakala.

Sekali lagi saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli-ahli jawatankuasa serta mereka-mereka yang terlibat dalam menjayakan majlis ini. Semoga usaha kita semua akan mendapat berkat dari Allah Subhanahu Wataala jua.

Dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wataala dan selawat keatas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam, saya dengan sukacitanya meresmikan **PAMERAN INDUSTRI TRADISI 2012, UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM**

***Wabillahi taufiq walhidayah wassalamu alaikum
warahmatullahi wabarakatuh.***